



## PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

### NOTIS SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA PMINT BIL. 64/2025

**CADANGAN KERJA-KERJA MEMECAT, MEMBEKAL, MENUKARGANTI SISTEM PAM TERMASUK LENGKAPAN DAN KERJA-KERJA MENCUCI TANGKI AIR DI BILIK PAM RPMM TAMAN BATIN PERDANA, KUALA NERUS, TERENGGANU.**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred G1 Pengkhususan Kategori ME dan CE, Pengkhususan M15 dan CE21.
2. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **17 Mac 2025 (Isnin)** hingga **23 Mac 2025 (Ahad)** di pejabat **Bahagian Penyenggaraan Harta Tingkat 11, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu** dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank/tunai berharga **RM50.00** yang dibuat di atas nama **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**.
3. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **17 Mac 2025 (Isnin) jam 10.00 pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Blok A RPMM Taman Batin Perdana** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki membawa **Cop Rasmi Syarikat, Perakuan/Sijil ASAL Pendaftaran PPK, SPKK** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta **satu (1) salinan sijil-sijil tersebut**.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis di sudut atas kiri **Nama Sebutharga** seperti di atas dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di **Bilik Urusan Tender dan TTD, Tingkat 11, Menara PMINT** sebelum jam **12.00 tengahari**, hari **Isnin, 24 Mac 2025**.
6. Pihak **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

  
Tandatangan

Nama :

Jawatan :

**KHALIZAN BIN MAHMUD**  
Pengurus Besar Pengurusan Teknikal J1  
Perbadanan Memajukan Iktisad  
Negeri Terengganu

Tarikh :

**10/3/2025**